



BAB 1 : WARISAN NEGARA BANGSA

1 Bagaimanakah kedudukan Raja di Alam Melayu diperkuuhkan?

ms:4

- A Ditaati oleh rakyat jelata
- B Dibantu oleh para pembesar
- C Dipengaruhi oleh kuasa asing
- D Disokong oleh golongan agama

2 Raja dalam kerajaan Alam Melayu berikut dianggap sebagai pemerintah yang suci.

ms:4

Raja Champa

Apakah gelaran untuk hubung kait dengan pemerintah tersebut?

- A Dewa Siva
- B Dewa Raja
- C Dewa Vishnu
- D Dewa Krishna

3 Apakah kerajaan yang wujud selepas kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka?

ms:5

- A Kerajaan Johor Riau
- B Kerajaan Majapahit
- C Kerajaan Srivijaya
- D Kerajaan Jambi

4 Manakah antara berikut merupakan kerajaan terawal di Alam Melayu?

ms:5

- A Kerajaan Funan
- B Kerajaan Champa
- C Kerajaan Srivijaya
- D Kesultanan Melayu Melaka

5 Sebuah kerajaan di Tanah Melayu telah mewarisi asas negara bangsa dari Kerajaan Srivijaya.

ms:5 Apakah kerajaan Tanah Melayu tersebut?

- A Kelantan
- B Kesultanan Melayu Melaka
- C Terengganu
- D Selangor

6 Kesultanan Melayu Melaka telah mempunyai ciri negara bangsa berikut.

ms:6 Kerajaan

Apakah bukti yang menyokong pernyataan berikut?

- A Kewujudan Raja
- B Ketaatan rakyat
- C Kewujudan pembesar
- D Kemajuan perdagangan

7 Senarai berikut berkaitan dengan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.

ms:6 Kedaulatan

- A Pembesar dilantik oleh Sultan
- B Sultan dapat mengawal rakyat
- C Rakyat mematuhi undang-undang
- D Pentadbiran pusat berjalan lancar

8 Apakah maksud wilayah taklukan?

ms:7

- A Wilayah diperolehi melalui persahabatan
- B Wilayah diperolehi melalui diplomatik
- C Wilayah diperolehi melalui perdagangan
- D Wilayah diperolehi melalui peperangan

9 Bagaimanakah Kesultanan Melayu Melaka memperoleh wilayah naungan?

ms:7

- I Persahabatan
- II Perkahwinan
- III Peperangan
- IV Perdagangan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10 Siapakah yang memperkenalkan undang undang laut Melaka?

ms:11

- A Sultan Ahmad Shah
- B Sultan Mansur Shah
- C Sultan Mahmud Shah
- D Sultan Muzaffar Shah

BAB 2 : KEBANGKITAN NASIONALISME

1 Apakah yang dimaksudkan dengan nasionalisme?

ms:

22 -

23

- A Perasaan cinta terhadap bangsa dan negara
- B Perasaan cinta yang mendalam terhadap penjajah
- C Perjuangan membina sebuah empayar
- D Mendapatkan kebebasan politik

2

ms:

24 -

25

- Revolusi Keagungan (1688)
- Revolusi Amerika (1776)
- Revolusi Perancis (1789)

Apakah persamaan dalam perjuangan ketiga-tiga revolusi di atas?

- A Memperjuangkan kedaulatan negara
- B Menentang penindasan oleh penjajah
- C Menentang hak dan kuasa mutlak raja
- D Memperjuangkan hak dan kebebasan rakyat

3 Dahagi India 1857 merupakan titik tolak kepada perkembangan nasionalisme di India. Apakah tumpuan awal gerakan ini?

ms:

26

- A Membentuk jawatankuasa khas kemerdekaan India
- B Memberikan perhatian terhadap isu sosioagama
- C Mewujudkan perjuangan bersifat radikal
- D Menggiatkan rasa cinta kepada Barat

4 Nasionalisme peringkat awal di Filipina adalah berbentuk Gerakan Propaganda yang dipimpin oleh Jose Rizal. Nyatakan tuntutan gerakan ini.

ms:

28

- A Filipina sebahagian wilayah Sepanyol
- B Menuntut perubahan politik di Filipina
- C Menuntut kemerdekaan Filipina
- D Hak sama rata pelbagai kaum

5

ms:
34

Gerakan Islah menyeru umat Islam kembali kepada ajaran Islam yang sebenar dengan berpandukan al-Quran dan Hadis.

Siapakah pemimpin gerakan ini?

- A Harun Aminurrashid
- B Syed Sheikh al-Hadi
- C Sayyid Jamal al-Din al-Afghani
- D Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin

6 Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) merupakan antara institusi pendidikan yang menyemarakkan nasionalisme menentang penjajah. Bagaimanakah institusi pendidikan ini berfungsi menyemarakkan nasionalisme?

- A Mewujudkan sistem pendidikan madrasah
- B Mendedahkan pelajar dengan pmodenan Islam
- C Menerima kunjungan ulama dari Sumatera Barat
- D Melahirkan golongan yang memimpin rakyat

7 Perkembangan nasionalisme di negara kita boleh dilihat melalui penulisan oleh golongan intelektual berpendidikan agama. Nyatakan akhbar dan majalah yang menyalurkan idea kesedaran nasionalisme golongan intelektual ini.

ms:
36

- A *Al-Imam*
- B *Al-Ikhsan*
- C *Warta Melaya*
- D *Utusan Melayu*

8 Penulisan novel berjaya meniupkan nasionalisme dalam kalangan penduduk di negara kita. Apakah faktor yang mendorong kejayaan ini?

ms:
39

- A Penulisan bertemakan antiimperialisme
- B Penulisan bertemakan kemajuan ekonomi
- C Penulisan bertemakan semangat cinta negara
- D Penulisan bertemakan semangat memperjuangkan nasib

9 Perkembangan nasionalisme di negara kita juga dibantu dengan perjuangan Kesatuan Melayu Singapura (KMS). Apakah kesan kejayaan KMS?

ms:

40

- A Memperjuangkan kepentingan politik orang Melayu
- B Mendorong kemajuan pentadbiran negara
- C Mendorong peningkatan pelajaran teknik
- D Mendorong penuhan persatuan negeri lain

10 Masyarakat Cina Peranakan di Negeri-negeri Selat menubuhkan Persatuan Orang Cina Peranakan British (SCBA). Nyatakan tuntutan SCBA daripada British

ms:

41

- A Peluang mendapatkan pendidikan di Britain
- B Peluang dalam perniagaan dan perdagangan
- C Peluang menjalankan hubungan dengan China
- D Peluang berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan

BAB 3 : KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA

1 Apakah langkah yang diambil oleh British bagi menyekat pengaruh gerakan Islam dari Timur Tengah ?

ms:

52

- A Menghantar perisik
- B Menutup sekolah agama
- C Menubuhkan jabatan agama Islam
- D Perkenalkan Enakmen Undang – Undang Islam

2 Apakah mesej yang cuba disampaikan dalam Cerita Tekukur yang disiarkan dalam akhbar seperti Utusan Melayu

ms:

53

- A Kejahatan penjajah British
- B Kawalan hak bersuara rakyat
- C Persoalan kemerdekaan dan kebebasan
- D Sekatan penulisan dan penerbitan akhbar

3

ms:

54

- Jerman
- Turki Utmaniyah

Negara di atas telah membentuk pakatan ketenteraan yang dikenali sebagai

- A Pakatan Kuasa Tengah
- B Pakatan Bertiga
- C Kuasa Berikat
- D Pakatan Axis

4 Perang Dunia Pertama turut memberi kesan kepada Amerika Syarikat. Apakah kesan tersebut ?

ms:

56

- A Memulakan penjajahan dan penaklukan
- B Menyertai Perang Dunia Kedua
- C Merdeka daripada British
- D Menjadi Kuasa besar dunia

5

ms:
58

- Benito Mussolini
- Adolf Hitler

Mengapakah kedua – dua pemimpin sanggup melibatkan negara mereka dalam Perang Dunia Kedua

- A Memulihkan semula semangat nasionalisme
- B Tercabar dengan kemajuan Britain
- C Berpaktat dengan Soviet Union
- D Membantu Sepanyol dalam perang saudara

6 Mengapakah tentera Jerman gagal menewaskan tentera Soviet dalam operasi Barbarossa ?

ms:
61

- A Kekuatan tentera udara Soviet
- B Semangat perjuangan rakyat Soviet
- C Tempoh peperangan yang panjang
- D Sekatan ekonomi oleh kuasa Berikat

7

ms:
68

- Semangat Asia
- Asia untuk Orang Asia

Apakah tujuan Jepun menggunakan slogan diatas semasa kempen menakluk Asia ?

- A Menakutkan kuasa penjajah
- B Semangat anti penjajah Barat
- C Melumpuhkan moral tentera kuasa Barat
- D Membangkitkan kemarahan rakyat Asia

8 Mengapakah layanan yang lebih kejam diberikan Jepun terhadap orang Cina berbanding orang Melayu dan India ?

ms:
73

- A Menyertai tentera British
- B Menguasai ekonomi Tanah Melayu
- C Terlibat dalam pentadbiran awam penjajah
- D Permusuhan daripada Perang China – Jepun

9 Antara yang berikut, pasukan yang manakah terlibat dalam gerakan anti Jepun ?

ms:

75/76

- I Force 136
- II LTTE
- III MRLA
- IV MPAJA
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10 Apakah tindakan yang dilakukan oleh Bintang Tiga setelah Jepun menyerah kalah ?

ms:

84

- I Menjadi pembantu kepada tentera Brirish
- II Menubuhkan tentera kebangsaan Malaya
- III Menguasai bandar dan pusat pentadbiran
- IV Menghukum mereka yang berkerjasama dengan Jepun
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

BAB 4: ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA

1 Apakah tujuan utama penubuhan British Military Administration (BMA)?

ms
94

- A Membentuk pentadbiran British
- B Mengukuhkan ketenteraan British di Tanah Melayu
- C Memulihkan keamanan Tanah Melayu
- D Membangunkan sistem pertahanan British

2 Mengapakah orang Melayu membantah Malayan Union?

ms
97

- A Kedudukan orang Melayu tergugat
- B Raja kehilangan kuasa
- C Pembesar menguasai satu per tiga ekonomi
- D British menguasai ekonomi di kawasan bandar

3 Apakah kesan utama penubuhan Malayan Union?

ms
97

- A Penduduk Tanah Melayu berkurang
- B Status Tanah Melayu berubah kepada tanah jajahan
- C Penggabungan pentadbiran Tanah Melayu dan Sabah Sarawak
- D Pemisahan Singapura dengan Tanah Melayu

4 Mengapa tindakan Sir Harold MacMichael mendapatkan tandatangan sultan dianggap tidak sah?

ms
98/99

- A Tidak berbincang dengan sultan
- B Menggunakan tipu muslihat
- C Menggunakan bahasa Inggeris
- D Memberi ganjaran yang tidak munasabah

5 Apakah hasil Kongres Melayu yang dijalankan pada 1 Mac 1946?

ms
105

- A Perjanjian antara British dan Raja-raja Melayu ditandatangani
- B Taraf kewarganegaraan jus soli dihapuskan
- C Kuasa Raja-raja Melayu dikembalikan
- D Penubuhan United Malays National Organisation (UMNO)

6 Mengapakah Vyner Brooke tidak mampu membangunkan negeri Sarawak?

ms
107

- A Masalah kewangan
- B Hutang perang yang tinggi
- C Tidak mempunyai pengalaman
- D Tidak mendapat sokongan penduduk pribumi

7 Mengapakah tindakan Brooke dianggap bertentangan dengan Perlembagaan 1941?

ms
109

- A British tidak boleh menguasai Sarawak
- B Mempunyai perlembagaan sendiri
- C Sarawak berkerajaan sendiri
- D British tidak memberi hak pentadbiran

8 Apakah pergerakan yang ditubuhkan untuk menhapuskan pegawai tinggi British di Sarawak?

ms
112

- A Angkatan Semangat Anak Negeri Sarawak
- B Barisan Pemuda Sarawak
- C Rukun 13
- D Pergerakan Pemuda Melayu

9 Mengapakah SBUB bertindak menyerahkan Sabah kepada kerajaan British?

ms115

- A Desakan British
- B Menjalin kerjasama dengan British
- C Sabah tidak lagi memberi keuntungan
- D Kekurangan dana membangunkan Sabah

10 Apakah kesan British mengehadkan peluang pentadbiran kepada penduduk Sabah?

ms
117

- A Ketinggalan dalam sosioekonomi
- B Kurang mendapat pengalaman
- C Kemunduran dalam sosioekonomi
- D Hanya terlibat dalam sektor tradisional

BAB 5 : PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

1 Jadual berikut menunjukkan perubahan sistem pemerintahan di Negara kita.

ms:

126

1946	1948
Malayan Union	Persekutuan Tanah Melayu

Mengapakah Malayan Union diganti dengan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948?

- A Membangunkan ekonomi Tanah Melayu
- B Malayan Union ditolak oleh penduduk tempatan
- C Menyatupadukan penduduk Tanah Melayu
- D Menyekat campur tangan kuasa luar

2 Gambar 1 menunjukkan tokoh-tokoh yang menentang penubuhan Persekutuan Tanah

ms: Melayu.

128



Gambar 1

Mengapakah golongan di atas membidas kerajaan British?

- A British tidak menjaga kebijakan rakyat
- B British mengurangkan kuasa Raja-raja Melayu
- C British menyebabkan ekonomi Tanah Melayu merosot
- D Mengadakan rundingan secara tertutup dengan UMNO

3 Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu adalah selaras dengan Piagam Atlantik

ms: 1941? Apakah matlamat prinsip Piagam Atlantik tersebut?

133

- A Mengembalikan keamanan
- B Mengadakan rundingan dengan Parti Komunis Malaya
- C Pelaksanaan dasar perlindungan British ke atas wilayahnya
- D Penamatan perluasan kuasa selepas berlakunya perperangan

4 Jadual 1 berikut menunjukkan sistem pemerintahan di negara kita.

ms:
133

1948
Persekutuan Tanah Melayu

Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

- A Kebangkitan orang Melayu
- B Membangunkan ekonomi
- C Menyatupadukan pelbagai kaum
- D Penentangan orang dagang

- 5 Gambar 2 berikut merupakan reaksi orang Melayu dan Raja-raja Melayu membantah pelaksanaan Malayan Union, penentangan ini telah memberi impak besar kepada pentadbiran British di Tanah Melayu sehingga membawa kepada penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.
- ms:
133



Gambar 2

Apakah iktibar yang boleh diambil daripada insiden tersebut?

- A Berdaya saing dan kritis
- B Bersabar dan sentiasa tabah
- C Sentiasa tegas dan berintegriti
- D Sopan dan sentiasa berhemah tinggi

- 6 *Jus Soli* hanya terbuka kepada *rakyat Raja* dan *rakyat British*. Apakah yang difahami dengan *rakyat Raja* ?
- ms:
135

- A Orang dagang yang lahir di Tanah Melayu
- B Orang Melayu yang lahir di luar negeri
- C Orang dagang yang lahir di Negeri-negeri Selat
- D Orang Melayu yang lahir di sesebuah Negeri Melayu

- 7 ms: Gambar berikut menunjukkan Raja-raja Melayu bergambar di hadapan King's House, Kuala Lumpur pada 21 Januari 1948, selepas menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.
- 136



Gambar 3

Apakah manfaat Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap sistem pemerintahan beraja di Tanah Melayu?

- A Penubuhan Majlis Raja-Raja
 - B Pemansuhan sistem pewarisan takhta
 - C Pengenalan Sistem Raja Berperlembagaan
 - D Pentadbiran diketuai oleh Yang di-Pertuan Agong
- 8 ms: Maklumat dalam Jadual berikut adalah berkaitan dengan politik di Tanah Melayu sebelum merdeka.
- 136

Tahun	Peristiwa
1948	Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani

Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap perjuangan orang Melayu?

- A Berkuasa mengawal pentadbiran
- B Parti parti politik digabungkan
- C Syarat kerakyatan dipermudahkan
- D Hak istimewa dilindungi

9 Jawatankuasa berikut dibentuk selepas penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

ms:
137

Jawatankuasa Hubungan Antara kaum (Communities Liason Committee)

Apakah peranan jawatankuasa tersebut?

- A Merangka kontrak sosial pelbagai kaum
- B Membentuk parti politik berasaskan kaum
- C Mewujudkan kerjasama pemimpin pelbagai kaum
- D Menentukan kepentingan sah kaum bukan Melayu

10 Berbanding dengan perlombagaan sebelumnya, mengapakah Perlombagaan

ms:138 Persekutuan Tanah Melayu 1948 dapat diterima oleh masyarakat Tanah Melayu?

- I Penduduk membentuk kerajaan sendiri
 - II Pembukaan ruang kewarganegaraan untuk kaum bukan Melayu
 - III Pengiktirafan hak keistimewaan orang Melayu
 - IV Penguasaan ekonomi oleh masyarakat tempatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

BAB 6 : ANCAMAN KOMUNIS DAN PERISYIHARAN DARURAT

1 Berikut adalah buku yang ditulis oleh Karl Marx dan Friedrich Engels.

ms:

DAS KAPITAL

146 Apakah fahaman yang diasaskan oleh tokoh-tokoh tersebut?

- A Sosiolisme
- B Liberalisme
- C Komunisme
- D Nasionalisme

2 Parti manakah yang telah membawa masuk fahaman Komunis ke negara kita pada awal tahun 1920-an?

ms:

147

- A Parti Koumintang
- B Parti Komunis Indonesia
- C Parti Komunis Malaya
- D Parti Komunis Nanyang

3 Komunis telah membunuh tiga orang pengurus ladang berbangsa Eropah pada 16 Jun 1948 di Sungai Siput Perak. Peristiwa tersebut telah membawa kepada

ms:

148

- A Penangkapan pemimpin Parti Komunis Malaya
- B Pengisytiharaan Undang-undang Darurat
- C Pengenalan Kad Pendaftaran Kebangsaan
- D Parti Komunis Malaya dikenakan tindakan undang-undang

4

AGI IDUP AGI NGELABAN

ms:

155

Pasukan keselamatan manakah yang menggunakan cogankata berikut untuk menaikkan semangat anggotanya?

- A Senoi Praaq
- B Gerila Kinabalu
- C Special Constables
- D Sarawak Rangers

5 Pasukan Askar Komanwel telah dibawa masuk untuk membantu British menangani ancaman Komunis. Antara berikut, negara Komanwel manakah yang menghantar ms: bantuan?

155

- A Kanada
- B Australia
- C Jerman
- D Denmark

6 Apakah faktor yang menyebabkan Rundingan Baling 1955 menemui kegagalan?

ms:

160

- A PKM merupakan pertubuhan haram
- B Kerajaan dan pemimpin PKM gagal bersemuka
- C Tunku Abdul Rahman tidak menerima syarat PKM
- D Kerajaan tidak mahu bertolak ansur

7

Kerajaan telah memperkenalkan konsep "Kawasan hitam" dan "kawasan putih"

ms:

160

Berdasarkan maklumat berikut, apakah yang anda faham tentang kawasan hitam?

- A Diisyiharkan bebas ancaman komunis
- B Dikenakan perintah berkurung
- C Terletak di kawasan pedalaman
- D Boleh dikunjungi pada bila-bila masa

8 Apakah kesimpulan yang anda boleh buat berdasarkan maklumat berikut?

ms:

161

Malayan Chinese Association (MCA) di Kuala Lumpur pada 27 Februari 1949

- A Bukan semua orang Cina menyokong komunis
- B Kerakyatan automatik kepada orang Cina
- C MCA menjaga kepentingan orang Cina
- D MCA memiliki pemimpin yang hebat

9 Berdasarkan peristiwa ancaman Komunis terhadap negara kita, apakah pengajaran yang boleh anda perolehi?

ms:

KBAT

- A Berkerjasama
- B Bertolak ansur
- C Kegigihan untuk mencapai matlamat
- D Menghargai keamanan yang dikecapi

10 Berapa lamakah Darurat 1948 dilaksanakan?

ms:

163

- A 7 tahun
- B 8 tahun
- C 10 tahun
- D 12 tahun

BAB 7 : USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN

1 Apakah konsep kemerdekaan yang diperjuangkan oleh Kesatuan Melayu Muda?

ms:

172

- A Merdeka
- B Melayu Raya
- C Hidup Melayu
- D Tanah Merdeka

2 Maklumat berikut merujuk parti politik tanah air.

ms:

173

Tahun	1949
Pengasas	Dato' Onn Jaafar
Parti Politik	Independence Of Malayan Party (IMP)

Apakah asas penubuhan parti politik tersebut?

- A Perpaduan kebangsaan
- B Menolak kerjasama kaum
- C Rumpun bangsa
- D Bercoral radikal

3 Mengapakah sistem berikut diperkenalkan oleh British?

ms:

178

Tahun 1951	Perkara
1951	Sistem Ahli diperkenalkan

- A Melaksanakan kempen pilihanraya umum.
- B Merangka perlembagaan baru yang merdeka.
- C Melatih penduduk tempatan berkerajaan sendiri.
- D Membincangkan sistem pendidikan orang Melayu.

4 Apakah ciri-ciri sistem Ahli?

ms:
179

- A Ahli dilantik oleh Raja-Raja Melayu.
- B Terdiri daripada pegawai Barat.
- C Satu sistem kabinet bayangan.
- D Ahli berperanan menggubal perlombagaan.

5 Senarai berikut berkaitan dengan sistem pendidikan di negara kita sebelum merdeka.

ms:
180

- Sekolah Vernakular Melayu
- Sekolah Vernakular Cina
- Sekolah Vernakular Tamil
- Sekolah Inggeris
- Sekolah Aliran Agama

Apakah kesan sistem pendidikan tersebut terhadap negara?

- A Pembangunan sosial yang adil.
- B Pembangunan ekonomi seimbang.
- C Pembentukan masyarakat majmuk.
- D Perpaduan kaum sukar dicapai.

6 Kenapakah Laporan Fenn-Wu 1951 diterbitkan?

ms:
180

- A Aspirasi semua kaum di Tanah Melayu
- B Sokongan daripada pelbagai parti politik
- C Pengenalan dasar pendidikan kebangsaan
- D Bantahan kaum Cina terhadap Laporan Barnes

7 Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 telah mengemukakan teras pembentukan Sistem Pendidikan Kebangsaan.

ms:
183 Apakah hasrat jawatankuasa pelajaran tersebut?

- A Membasmi kemiskinan rakyat
- B Memupuk integrasi dan perpaduan kaum
- C Mengasaskan idea kemerdekaan

D Menjaga keamanan negara

- 8 Gambar berikut berkaitan dengan pemimpin negara.

ms:

183



Dato' Abdul Razak Bin Hussein


Apakah sumbangan beliau dalam bidang pendidikan?

- A Menyediakan pendidikan percuma
- B Mewujudkan sekolah berbilang bangsa
- C Melaksanakan pengajaran bahasa Melayu
- D Mengasaskan sistem pendidikan kebangsaan negara

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan matlamat perjuangan pertubuhan X.

ms:


184



Apakah X?

- A Barisan Pemuda Sarawak (BPS)
- B Pergerakan Pemuda Melayu (PPM)
- C Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)
- D Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS)

- 10 Gambar berikut menunjukkan pakatan Parti Perikatan yang menggunakan logo kapal layar.
ms:
187



Apakah maksud logo tersebut?

- A Kesediaan menempuh cabaran.
- B Mempertahankan hak peribumi.
- C Keberanian mempertahankan negara.
- D Semangat persahabatan dan perpaduan.

BAB 8 : PILIHAN RAYA

1 Mengapakah Kerajaan British Malaya memperkenalkan pilihan raya di negara kita

ms:

197

- A Melatih penduduk tempatan untuk mengundi
- B Persediaan ke arah melahirkan modal insan yang berkualiti
- C Mengukuhkan amalan demokrasi negara merdeka
- D Membentuk perpaduan

2 Pada tahun 1952 Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur telah diadakan.

Apakah keunikan pilihan raya tersebut?

ms:

197

- A Bermulanya kerjasama erat parti UMNO-MCA
- B Parti politik yang sah dibenarkan bertanding
- C Pilihan raya pertama majlis perbandaran
- D Calon dari pelbagai kaum bertanding

3 Pada 21 April 1954, Tunku Abdul Rahman, Tan Cheng Lock, T.H Tan dan Dato Abdul

ms: Razak berangkat ke London.

199

Apakah tuntutan rombongan tersebut ke London ?

- A Memberi hak kewarganegaraan yang adil
- B Meluluskan satu Rang Undang-undang
- C Menentukan bilangan anggota MPP
- D Membentuk Jawatankuasa Pilihan Raya

4 Pernyataan berikut adalah syarat menjadi pengundi berdaftar dalam Pilihan Raya 1955

ms:

200

- Warganegara Persekutuan Tanah Melayu
- Bermur 21 tahun ke atas
- X

Apakah syarat bagi X ?

- A Lahir di Persekutuan Tanah Melayu
- B Fasih bertutur dalam bahasa Kebangsaan
- C Mengemukakan kertas penamaan calon
- D Tinggal di Persekutuan Tanah Melayu

5 Pernyataan yang manakah berkaitan dengan syarat untuk menjadi calon Pilihan Raya

ms: MPP 1955

200

- I Berdaftar dalam senarai pemilih pilihan raya
- II Berpengetahuan luas dalam Bahasa Melayu
- III Telah tinggal di PTM dalam tempoh 12 bulan
- IV Menetap di PTM dalam tempoh 6 bulan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6 Pernyataan berikut adalah syarat menjadi calon pilihan raya umum pada masa kini.

Tidak disabitkan dengan sesuatu kesalahan oleh Mahkamah

ms:
kbat Mengapakah calon pilhan raya perlu memenuhi syarat tersebut ?

- A Pilihan raya bersih dapat dijalankan
- B Keselamatan para pengundi
- C Pemimpin negara yang terpilih bersih
- D Mengelakkan kekacauan sewaktu pengundian

7 Manakah yang tepat tentang Majlis Perundangan Persekutuan 1955 ?

ms:
204

- A Raja-Raja Melayu meluluskan undang-undang.
- B Pegawai kerajaan ketuai Majlis Tempatan
- C Ahli dipilih dalam pilhan raya
- D Ketua Menteri mewakili negeri

8 Pernyataan berikut adalah peranan Kabinet pertama.

Meminta Kuasa Veto Pesuruhjaya Tinggi dibatalkan

ms:
206 Apakah maksud Kuasa Veto

- A Kuasa pembatal
- B Perkongsian kuasa
- C Model wesminister
- D Pemerintahan ala British

9 Manifesto Parti Perikatan dalam Pilihan Raya Umum 1955.

- ms:
210
- Mencapai kemerdekaan dalam masa 4 tahun
 - Mewajibkan pendidikan kepada semua kaum

Apakah maksud manifesto?

- A Perlembagaan politik
- B Hasrat masyarakat pelbagai kaum
- C Dasar parti politik
- D Masalah rakyat

10 Pada tahun 2021, Kerajaan Malaysia telah membuat pindaan umur pengundi iaitu 18 KBAT tahun.

Apakah alasan munasabah pindaan tersebut dilakukan?

- A Bilangan penduduk bertambah
- B Kecekapan jentera pilhan raya
- C Pertambahan kawasan pilhan raya
- D Peningkatan kadar kematangan rakyat

BAB 9 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957

1 Nyatakan perubahan dalaman yang mempengaruhi usaha kemerdekaan negara kita

ms:

216

- A Pilihanraya Umum 1955
- B Kemajuan industri perlombongan
- C Peningkatan harga komoditi utama
- D Kegagalan pemberontakan Parti Komunis Malaya

2 Apakah nilai yang ditunjukkan oleh semua kaum semasa misi rundingan kemerdekaan di London ?

ms:

216

- A Mematuhi peraturan
- B Rajin berusaha
- C Bersatu padu
- D Menepati masa

3 Mengapakah Tunku Abdul Rahman merancang perjalanan rombongan ke Karachi menggunakan kapal laut ?

ms:

217

- A Mendapatkan sokongan negara serantau
- B Berjumpa dengan Perdana Menteri India
- C Memberi peluang bertemu wakil Pakistan
- D Menyusun strategi berunding dengan British

4 Salah satu perkara yang dibincangkan di London adalah berkaitan keselamatan . Apakah janji yang diberikan oleh British dalam hal tersebut?

ms:

218

- A Memberi bantuan sekiranya diancam musuh
- B Menyekat senjata kepada Tanah Melayu
- C Membina pangkalan laut di Singapura
- D Berkerjasama dengan negara jiran

5 Namakan sebuah suruhanjaya yang ditubuhkan untuk menyusun dan merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka

ms:

220

- A Suruhanjaya Fenn Wu
- B Suruhanjaya Cobbold
- C Suruhanjaya PBB
- D Suruhanjaya Reid

6 Apakah peranan yang dimainkan oleh Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ?

ms:

220

- A Melindungi kedudukan Raja-raja Melayu
- B Meminta penempatan tentera British
- C Merangka belanjawan tahunan Tanah Melayu
- D Menguruskan urusan luar negeri Tanah Melayu

7 Sebanyak 131 memorandum telah diterima oleh suruhanjaya ini. Memorandum yang dikemukakan berkaitan

ms:

222

- A Pertanian
- B Perumahan
- C Kewarganegaraan
- D Pertahanan

8 Draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah menerima pelbagai reaksi. Apakah perkara yang dituntut oleh UMNO dan PAS ?

ms:

223

- A Kewarganegaraan jus soli
- B Kedudukan bahasa kaum lain
- C Pengagihan kerusi pilihanraya
- D Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi

9 Apakah intipati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 ?

ms:

224

- I Raja perlerlembagaan dan demokrasi berparlimen
- II Keselamatan Dalam Negeri
- III Hal ehwal Luar Negeri
- IV Kewarganegaraan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10 Hak dan kepentingan kaum lain turut dipelihara dalam Perlembagaan Persekutuan. Mengapakah perkara itu diberikan oleh kerajaan ?

ms:

225

- I Menjaga adat istiadat bangsa lain
- II Mempunyai hak dan kewajipan yang sama
- III Memastikan rakyat hidup aman dan harmoni
- IV Meningkatkan kemajuan negara
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

BAB 10 : PEMASYHURAN KEMERDEKAAN

- 1 Maklumat berikut adalah takrif kemerdekaan menurut Sayyid Jamal al-Din al-Afghani iaitu pelopor gerakan Pan-Islamisme.

ms:

234

Konsep	Maksud
Jinsiyyah	Semangat kebangsaan
Wataniyyah	Cinta akan tanah air yang merdeka

Bagaimanakah kita dapat merealisasikan takrif tersebut?

- A Mewujudkan masyarakat tanpa kelas
 - B Mendaulatkan sistem perundangan
 - C Menjalinkan hubungan diplomatik
 - D Membentuk rakyat bersatu
- 2 Apakah persamaan takrifan kemerdekaan mengikut negarawan berikut

ms:

235



Perdana Menteri Pertama
Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj



Perdana Menteri Ketiga dan Ketujuh
Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad

- A Berkorban demi negara
- B Bebas daripada politik penindasan
- C Gagasan menyokong pembangunan
- D Gerakan mempertahankan hak

- 3 Jawatankuasa sambutan telah dibentuk sebagai persediaan untuk memeriahkan upacara sambutan kemerdekaan negara.
- ms:
237 Apakah bentuk persediaan jawatankuasa ini?
- I Memilih lagu kebangsaan
 - II Menganjurkan kursus protokol
 - III Menempah bendera kebangsaan
 - IV Membina tempat sambutan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV
- 4 Gambar berikut merujuk kepada peristiwa bersejarah penurunan Bendera Union Jack di Padang Kelab Selangor.

ms:
138



(Sumber: <http://kllibrary.dbkl.gov.my>)

Apakah rumusan daripada peristiwa tersebut?

- A Penamatan undang-undang darurat
- B Pemulauan pelantikan pemimpin
- C Pembubaran parlimen kerajaan
- D Pengakhiran penjajahan asing

- 5 Jadual berikut adalah badan penggubalan undang-undang di Persekutuan Tanah Melayu selepas merdeka.

	Badan	Tanggungjawab
ms: 242	Parlimen	Mengubal undang-undang peringkat Persekutuan
	Dewan Undangan Negeri	Mengubal undang-undang peringkat Negeri

- Mengapakah wujud badan perundangan yang berbeza?
- A Mengukuhkan kuasa raja
 B Memastikan lebih berkesan
 C Mengamalkan sistem terbuka
 D Memudahkan permantauan berkala
- 6 Negara kita menyertai pertubuhan berikut selepas mencapai kemerdekaan.

- ms:
243
- **Komanwel**
 - **AMDA**

- Apakah faedah yang diperolehi negara daripada pertubuhan tersebut?
- A Menguatkan pertahanan negara
 B Meningkatkan prasarana ekonomi
 C Menjamin kebebasan pentadbiran
 D Menambah aset ketenteraan
- 7 Maklumat berikut adalah matlamat utama Rancangan Malaya Pertama 1956-1960.

- ms:
244
- ✓ **Mempelbagaikan keluaran pertanian**
 - ✓ **Membasmi kemiskinan**

- Bagaimanakah usaha kerajaan untuk mencapai tujuan tersebut?
- A Menganjurkan program pembangunan in-situ
 B Menubuhkan institusi kewangan bersepadu
 C Membuka tanah secara besar-besaran
 D Memulakan pelaburan industri berat

- 8 Gambar berikut menunjukkan Buku Merah yang dilancarkan pada tahun 1961 dalam Rancangan Malaya Kedua.

ms:
244



(Sumber: <http://www.muziumnegara.gov.my>) □

Mengapakah rancangan ini diperkenalkan?

- A Mengawal kemasukan buruh luar
- B Mengurangkan beban kewangan kerajaan
- C Memantau kecekapan pengurusan syarikat
- D Menilai pelaksanaan rancangan pembangunan

- 9 Mengapakah kerajaan memperkenalkan langkah berikut pada peringkat awal kemerdekaan.

ms:
245

- **Mengeluarkan Penyata rahman Talib**
- **Menubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka**

- A Meningkatkan kadar celik huruf
- B Memperkasakan kedudukan bahasa kebangsaan
- C Meningkatkan kecekapan berbahasa asing
- D Melahirkan belia berkemahiran tinggi

- 10 Gambar berikut adalah jata negara yang menjadi lambang kebanggaan negara.

ms:
247



Mengapakah jata tersebut penting kepada negara?

- A Membentuk jati diri kebangsaan
- B Mengambarkan kekayaan alam
- C Melambangkan kemajuan negara
- D Mengukuhkan pentadbiran kerajaan